

## JPA tegaskan cadangan waktu bekerja empat hari seminggu hanya di peringkat kajian

Oleh [Noor Atiqah Sulaiman](#) - Julai 5, 2022 @ 5:43pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menegaskan bahawa cadangan waktu bekerja empat hari seminggu adalah di peringkat penelitian dan kajian sahaja.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah, berkata pihaknya berpandangan cadangan waktu bekerja empat hari seminggu perlu dilihat secara holistik, terutama dari segi kesesuaian serta keberkesanan terhadap struktur perkhidmatan awam di negara ini.

Beliau berkata, JPA sentiasa terbuka untuk mendapatkan input menyeluruh daripada pihak berkepentingan bagi mengkaji secara empirikal kebolehlaksanaan cadangan itu.

"Walaupun beberapa negara kini melaksanakan waktu bekerja empat hari seminggu secara percubaan, JPA berpandangan bahawa pendekatan ini hendaklah dilihat secara holistik terutama dari segi kesesuaian serta keberkesanan terhadap struktur perkhidmatan awam di negara ini.

"JPA amat cakna akan kesan dan impak pelaksanaan sebarang dasar baharu terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam, khususnya ketika kerajaan dalam proses merencanakan semula ekonomi negara demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

"JPA sentiasa mengkaji pelbagai aspek dari segi kemudahan, kemajuan kerjaya dan penambahbaikan proses kerja yang menjurus ke arah peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan awam berpaksikan rakyat," katanya dalam kenyataan, hari ini.

"JPA amat cakna akan kesan dan impak pelaksanaan sebarang dasar baharu terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam, khususnya ketika kerajaan dalam proses merencanakan semula ekonomi negara demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

"JPA sentiasa mengkaji pelbagai aspek dari segi kemudahan, kemajuan kerjaya dan penambahbaikan proses kerja yang menjurus ke arah peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan awam berpaksikan rakyat," katanya dalam kenyataan, hari ini.